



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/2/2013

# Sentiasa beri sokongan kepada Bumiputera


UM-14/2/2013

PUTRAJAYA 13 Feb. - Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) kini 'terperangkap' terhadap objektifnya sama ada mahu membantu komuniti peniaga Bumiputera atau memberi peluang kepada penglibatan asing di dalam perancangan globalisasinya, menurut bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, syarikat pengeluar minyak negara itu sebenarnya sentiasa memberi sokongan kepada peniaga tempatan khususnya milik Bumiputera.

"Petronas berada di dalam dilema. Dari satu sudut, mereka digesa membenarkan penglibatan pemiagaan asing di dalam industri, sementara syarikat itu turut diharapkan mengekalkan objektif membantu peniaga milik Bumiputera.

"Jika kita membenarkan penglibatan asing, syarikat-syarikat



Petronas bersama Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah mengadakan perbincangan bagi menangani dan mencari penyelesaian menang-menang

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
Bekas Perdana Menteri

asing ini dilihat berjaya mengatasi peniaga tempatan untuk memenangi tender yang dibuka merngandangkan mereka memiliki rekod yang lebih baik," kata Dr. Mahathir

yang juga merupakan Penasihat Petronas kepada Bernama.

Dalam masa sama, Dr. Mahathir berkata Petronas seharusnya memberikan keutamaan kepada syarikat

milik Bumiputera dalam penganugerahan kontrak.

"Untuk tujuan itu, Petronas bersama Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah mengadakan perbincangan bagi menangani dan mencari penyelesaian menang-menang.

"Jika kita hanya mengutamakan syarikat yang berskil tinggi semata-mata, sudah tentu peluang itu akan diperolehi oleh syarikat asing.

"Petronas akan sentiasa mengingati tujuan asal penubuhannya, iaitu bagi membantu peniaga-peniaga tempatan khususnya Bumiputera.

"Pengurusan Petronas sedang mengkaji perkara ini. Melalui perbincangan yang diadakan, sudah

pasti satu keputusan yang baik mampu dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan beberapa NGO Melayu yang melahirkan rasa kecewa yang mendakwa Petronas memberikan kesemua kontrak utama kepada syarikat milik asing.

MTEM sebelum ini mendakwa syarikat tempatan yang berkelayakan juga tidak menerima sebarang kontrak daripada Petronas dan meminta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas harus bertanggungjawab di atas perkara itu dan meletak jawatan.

Malah, majlis itu turut mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak campur tangan dalam perkara itu agar kontrak Petronas diagihkan secara adil. -BERNAMA